

# Cham terima 15 pengusaha baru kontena

BH 30 JUN 2000  
Oleh Bairilla Jamlus

PERSATUAN Pengangkut Kontena Malaysia (Cham) membuka keahliannya kepada 15 pengusaha baru kontena sebagai usaha untuk membantu meningkatkan perkhidmatan pengangkutan kontena di negara ini.

Presidennya, Mirzan Mahathir, berkata perse-tujuan untuk membuka keahlian itu diputuskan selepas membuat beberapa pindaan dalam mesyuarat agung tahunan (AGM) ke-10, semalam.

Beliau berkata, peng-u-saha baru itu boleh memi-lih sama ada untuk men-jadi ahli prinsipal atau ahli

**Pengusaha baru itu boleh memilih sama ada untuk menjadi ahli prinsipal atau ahli bersekutu dengan objektif untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik dan berdaya saing**

bersekutu dengan objektif untuk menyediakan per-khidmatan yang lebih baik dan berdaya saing.

"Kami mengalu-alukan pengusaha baru ini untuk menjadi ahli Cham kerana kami percaya industri ini perlu diherbalisasi agar ob-ektif kerajaan dalam me-

ingkatkan perkhidmatan serta memenuhi permin-taan pasaran dapat dilaksa-nakan dengan lebih cekap," katanya selepas mempe-ngerusikan mesyuarat agung tahunan Cham di Kuala Lumpur, semalam.

Cham dianggotai lima pengusaha kontena iaitu

Kontena Nasional Bhd, MISC Haulage Services Sdn Bhd, Konsortium Logistik Bhd, Diperdana Holdings Bhd dan Multimodal Freight Sdn Bhd.

Katanya, mereka yang mahu menjadi ahli prin-sipal mempunyai hak un-

tuk mengundi dan perlu membayar yuran keahlian tahunan RM20,000 manakala ahli bersekutu seba-nyak RM10,000 setahun.

Selain itu, katanya, se-bagai usaha untuk me-ningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan, kelima-

lima ahli Cham akan me-labur lebih RM160 juta ta-hun ini membabitkan pembelian 400 prime mo-ver (kepala lori) dan 2,000 treler sebagai tambahan kepada jumlah kenderaan yang sedia ada.

"Cham ketika ini mem-

punyai 2,212 prime mover dan 11,318 treler dan per-caya dengan tambahan peralatan dan kenderaan akan membolehkan kami memenuhi permintaan pa-saran pada masa depan se-lain mempunyai pengala-man luas," katanya.